

01/12/2001

Perwakilan Arab setuju saranan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perwakilan negara Arab bersetuju saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa dunia Arab harus dilihat sebagai satu bagi menghadapi sebarang cabaran membabitkan dunia Islam.

Jurucakap Kedutaan Palestin berkata, selama ini negara Arab tidak sepakat dalam banyak hal sehingga menyebabkan banyak masalah bukan saja sukar diatasi, malah berlarutan sehingga bertahun-tahun lamanya.

Beliau memberi contoh masalah di Palestin yang sepatutnya sudah lama diatasi jika semua negara Arab bersatu dan menyuarakan pandangan sebagai satu kuasa.

"Dalam hal ini, kita mengalu-alukan saranan Dr Mahathir dan menganggapnya tepat pada masanya demi kebaikan umat Islam.

"Hanya dengan bersatu, umat Islam mampu pergi jauh dan disegani," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Kelmarin, ketika mengadakan pertemuan dengan 14 ketua perwakilan negara Arab di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dr Mahathir menyarankan semua negara terbabit bersatu supaya mereka dilihat sebagai satu.

Perdana Menteri berkata, dengan bertindak sedemikian negara Islam dapat mengawal maruahnya, di samping memelihara Islam sebagai agama dihormati oleh orang lain.

Ketua perwakilan dari 14 negara Arab yang hadir pada pertemuan itu adalah dari Palestin, Yemen, Emiriyah Arab Bersatu, Algeria, Iraq, Sudan, Arab Saudi, Maghribi, Mesir, Jordan, Syria, Kuwait, Oman dan Libya.

Sementara itu, jurucakap Kedutaan Mesir berkata, saranan Dr Mahathir itu perlu dipandang positif oleh semua negara Arab dalam usaha menjadi satu kuasa yang disegani.

Beliau berkata, negara Arab sepatutnya bersatu dalam semua hal terutama membabitkan Islam.

"Kita tidak boleh hanya bergantung pada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menyuarakan pandangan negara Islam.

"Dalam keadaan sekarang yang mana Islam sering dikaitkan dengan pelbagai perkara termasuk keganasan, tiba masanya semua negara Arab bersatu bagi membersihkan imej itu.

"Apapun, kita menyedari usaha itu bukanlah satu tugas yang mudah tapi tidak mustahil dilakukan," katanya.

(END)